



KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
PERMOHONAN PENAMAAN

KWSP
4
PERCUMA

(A) MAKLUMAT AHLI

NAMA

NOMBOR KAD PENGENALAN BARU - - NOMBOR KAD PENGENALAN LAMA

NO. SIJIL KELAHIRAN/ SIJIL WARGANEGARA /POLIS/TENTERA

ALAMAT SURAT/MENYURAT

POSKOD NEGERI

ALAMAT EMEL NO. TELEFON RUMAH -

NO. TELEFON PEJABAT - NO. TELEFON BIMBIT -

(B) MAKLUMAT PENAMAAN

Dengan ini saya seperti nama dan nombor pengenalan diri di atas menamakan individu yang disenaraikan di bawah sebagai penama.

| BIL | NAMA PENAMA MENGIKUT DOKUMEN PENGENALAN DIRI | NO. KAD PENGENALAN/SIJIL KELAHIRAN/PASSPORT/LAIN-LAIN | HUBUNGAN DENGAN AHLI | BAHAGIAN / PERATUSAN |
|-----|--|---|----------------------|----------------------|
| 1 | | | | |
| 2 | | | | |
| 3 | | | | |
| 4 | | | | |
| 5 | | | | |
| 6 | | | | |

Bilangan penama

(C) PERAKUAN AHLI

- Saya mengaku bahawa maklumat penamaan yang tercatat di dalam borang penamaan ini adalah betul dan dibuat dengan kerelaan hati saya.
- Saya bersetuju untuk memilih alamat surat-menyurat di dalam borang ini dikemaskini dan saya mengesahkan bahawa alamat ini adalah terkini, lengkap dan betul.
Ya Tidak
- Saya bersetuju untuk memilih maklumat penamaan yang didaftarkan ini dipaparkan di dalam Penyata Tahunan Ahli dan apa-apa notis yang berkaitan dengan penamaan ini. Saya faham bahawa pilihan ini adalah dibuat dengan kerelaan hati saya dan pihak KWSP tidak bertanggungjawab ke atas kebocoran maklumat ini sekiranya Penyata Tahunan Ahli atau apa-apa notis yang berkaitan pilihan ini tidak diterima oleh saya atas apa jua sebab.
Ya Tidak Tarikh : _____

(D) PENGESAHAN SAKSI

- Saya dengan ini mengesahkan kenyataan yang telah dibuat oleh ahli di dalam borang ini adalah benar dan cap ibu jarinya diturunkan di hadapan saya.

Tandatangan : _____

Alamat : _____

Nama Penuh : _____

No. Pengenalan Diri : _____

Tarikh : _____

(E) UNTUK KEGUNAAN KWSP SAHAJA

NO. AHLI KWSP



MASA TERIMA _____

(COP TARIKH TERIMA)

(F) PENGESAHAN CAP IBU JARI AHLI

CAP IBU JARI KIRI


CAP IBU JARI KANAN





KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA PANDUAN MENGISI BORANG KWSP 4 BAGI PERMOHONAN PENAMAAN

1. Ahli dinasihatkan membaca dengan teliti arahan-arahan di dalam panduan ini sebelum mengisi borang. Borang ini hendaklah dilengkapkan dengan menggunakan PEN DAKWAT HITAM TERANG dan ditulis menggunakan HURUF BESAR.
2. Syarat-syarat Penamaan adalah seperti berikut :-
 - Ahli adalah seorang Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap Malaysia dan Warganegara Asing yang menjadi ahli sebelum 1 Ogos 1998.
 - Ahli telah berusia 18 tahun dan belum mencapai usia 75 tahun.
 - Ahli dan Penama tidak layak menjadi saksi Penamaan pada Borang Penamaan (KWSP 4) ahli.
 - Saksi Penamaan boleh terdiri daripada mana-mana individu yang berusia **18 tahun ke atas** semasa penamaan dibuat.
 - Ahli hanya boleh menamakan individu (orang) sebagai Penama dan **TIDAK BOLEH** menamakan badan-badan kebajikan, organisasi atau pertubuhan sebagai Penama.
3. Kuatkuasa Penamaan adalah seperti berikut :-
 - Borang Penamaan (KWSP 4) mestilah diterima oleh KWSP semasa ahli masih hidup dan mula berkuatkuasa dari tarikh penerimaan Borang KWSP 4 oleh KWSP.
 - Penamaan bagi ahli yang beragama Islam adalah sebagai Pentadbir (Wasi) dan ahli yang bukan beragama Islam adalah sebagai Benefisiari (Orang Yang Bermanfaat).
 - Penamaan akan terbatal di dalam keadaan berikut :-
 - Penamaan terbatal sepenuhnya sekiranya semua Penama meninggal dunia sebelum kematian ahli.
 - Penamaan terbatal sebahagian setakat mana bahagian orang yang dinamakan itu meninggal dunia sebelum kematian ahli.
 - Penamaan bagi ahli beragama Islam terbatal sekiranya Penama meninggal dunia selepas kematian ahli tetapi sebelum apa-apa jumlah wang dibayar kepadanya sebagai Penama. Bagi ahli yang bukan beragama Islam, sekiranya Penama meninggal dunia selepas kematian ahli, penamaan masih berkuatkuasa dan menjadi harta pusaka Penama.
 - Penamaan terdahulu akan terbatal jika ahli membuat penamaan baru dengan mengisi Borang Penamaan (KWSP 4).
 - Penamaan akan terbatal jika ahli mengemukakan borang pembatalan penamaan (KWSP 4A).
 - Penamaan masih berkuatkuasa selepas pengeluaran penuh simpanan ahli cukup usia 55 tahun (bagi pengeluaran 55 tahun selepas 1 Februari 2008).
4. Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan bagi pendaftaran penamaan adalah :-
 - Salinan Kad Pengenalan ahli, Kad Kuasa Polis/Tentera atau Sijil Kelahiran/Sijil Kewarganegaraan (bagi Warganegara Malaysia yang tidak mempunyai Kad Pengenalan)
 - Salinan Pasport/Dokumen Perjalanan bagi Warganegara Asing (menjadi ahli sebelum 1 Ogos 1998).
 - Salinan Kad Pengenalan/Dokumen Pengenalan Diri Ahli PERLU dibuat kedua-dua bahagiannya (depan & belakang) di atas sekeping kertas saiz A4 pada muka surat yang sama seperti contoh di bawah. Borang permohonan diklipkan dengan salinan dokumen itu dan tidak menggunakan dawai kokot (stapler).



5. Borang Penamaan adalah terdiri daripada enam (6) bahagian - A hingga F. Berikut adalah panduan mengisi borang bagi setiap bahagian di dalam Borang KWSP 4 iaitu :-

BAHAGIAN A - MAKLUMAT AHLI

Lengkapkan maklumat pengenalan diri sebagaimana di dalam Kad Pengenalan atau lain-lain dokumen pengenalan diri pemohon iaitu Nama Ahli, Nombor Kad Pengenalan (baru/lama)/Sijil Kelahiran/Sijil Kewarganegaraan/Polis/Tentera, Agama, Alamat Surat Menyurat, Alamat Emel dan No. Telefon.

BAHAGIAN B - MAKLUMAT PENAMAAN

- Nama Penama Mengikut Dokumen Pengenalan Diri - Tuliskan dengan jelas menggunakan HURUF BESAR nama penuh Penama (orang yang dinamakan) mengikut Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri penama berkenaan.
- No. Kad Pengenalan/Sijil Kelahiran/Passport/Lain-lain - Tuliskan nombor Kad Pengenalan/Sijil Kelahiran/Pasport/Sijil Kewarganegaraan atau lain-lain dokumen pengenalan diri penama.
- Hubungan Dengan Ahli - Tuliskan pertalian atau hubungan di antara ahli dengan penama seperti suami, isteri, anak, ibu, bapa, adik-beradik dan sebagainya.
- Bahagian/Peratusan - Tuliskan bahagian/peratusan yang ingin diserahkan kepada penama atau diperuntukkan di kalangan penama-penama. Pemberian/peruntukan mesti dinyatakan dalam bentuk peratusan/pecahan yang TIDAK MELEBIHI 100% atau 1.
- Bilangan Penama - Isikan (dalam angka) jumlah bilangan penama yang dinamakan. PASTIKAN angka yang diisikan sama dengan bilangan penama yang dituliskan terdahulu.

RUANGAN PENAMA YANG TIDAK DIISI HENDAKLAH DITANDA PALANG (RUJUK CONTOH MENGISI BORANG).

BAHAGIAN C – PERAKUAN AHLI

Ahli hendaklah melengkapkan tarikh penamaan di Bahagian C selepas :-

- Melengkapkan maklumat diri, maklumat penamaan dan menurunkan cap ibu jari di Bahagian F.
- Memilih sama ada ingin mengemaskinikan alamat surat menyurat di dalam borang penamaan ke dalam Pangkalan Data KWSP.
- Memilih sama ada maklumat penamaan yang didaftarkan boleh dipaparkan di dalam Penyata Tahunan Ahli atau apa-apa notis yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN D - PENGESAHAN SAKSI


- Selepas semua maklumat ahli lengkap diisi dan ahli telah menurunkan cap jarinya di ruangan yang disediakan, saksi dikehendaki menurunkan tandatangan, nama penuh, nombor pengenalan diri dan alamat surat-menyurat bagi pengesahan maklumat dan cap jari pemohon.
- Pastikan tarikh pengesahan saksi adalah sama atau selepas tarikh Perakuan Ahli (Bahagian C).

BAHAGIAN E – KEGUNAAN KWSP SAHAJA

Bahagian ini tidak perlu diisi oleh ahli.

BAHAGIAN F - PENGESAHAN CAP IBU JARI AHLI

Ahli dikehendaki menurunkan cap ibu jari kanan dan kiri dengan terang dan jelas di hadapan saksi penamaan menggunakan pad cap jari berwarna hitam di dalam ruangan yang disediakan. Panduan menurunkan cap ibu jari yang sempurna adalah seperti berikut :-



6. Borang permohonan boleh dihantar di mana-mana Pejabat KWSP atau dikirim melalui pos ke alamat berikut :-

KETUA
JABATAN PENDAFTARAN DAN OPERASI SOKONGAN
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
Beg Berkunci No. 220, Jalan Sultan,
46720 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

7. Bagi penghantaran permohonan melalui pos, semua salinan dokumen sokongan yang dikehendaki perlu disertakan bersama-sama dan disahkan oleh pihak yang diiktiraf KWSP seperti berikut :

- Pegawai KWSP yang terdiri daripada Pegawai Gred 18 dan ke atas
- Pegawai Kaunter KWSP
- Majikan Pemohon
- Penghulu atau Penggawa
- Jaksa Pendamai
- Kumpulan Pengurusan/Profesional Kerajaan
- Ahli Dewan Undangan Negeri
- Ahli Parlimen
- Pesuruhjaya Sumpah

PERINGATAN PENTING :

Ahli dinasihatkan supaya membuat penamaan secara bijaksana dengan mengambilkira kepentingan semua waris dan melakukannya dalam keadaan yang sedar atas semua implikasi. Ahli juga perlu sentiasa menyemak status penamaan dari semasa ke semasa dan mengemaskinikannya, sekiranya perlu.



(A) MAKLUMAT AHLI

NAMA: A Y S H A H B I N T I A R S H A D

NOMBOR KAD PENGENALAN BARU: 6 2 X X X X - X X - 3 X X X

NOMBOR KAD PENGENALAN LAMA: A O X X X X X X

NO. SIJIL KELAHIRAN/ SIJIL WARGANEGARA /POLIS/TENTERA: NO 2 6 O K G A I R K U N I N G

ALAMAT SURAT/MENYURAT: P A R I T B U N T A R

POSKOD: 3 X X X X NEGERI: P E R A K

ALAMAT EMEL: ei_syah@yahoo.com.uk NO. TELEFON RUMAH: O X - 6 6 X X X X X X

NO. TELEFON PEJABAT: O X - 6 7 X X X X X X NO. TELEFON BIMBIT: O 1 X - 6 7 X X X X X X

(B) MAKLUMAT PENAMAAN

Dengan ini saya seperti nama dan nombor pengenalan diri di atas menamakan individu yang disenaraikan di bawah sebagai penama.

| BIL | NAMA PENAMA MENGIKUT DOKUMEN PENGENALAN DIRI | NO. KAD PENGENALAN/SIJIL KELAHIRAN/PASSPORT/LAIN-LAIN | HUBUNGAN DENGAN AHLI | BAHAGIAN / PERATUSAN |
|-----|--|---|----------------------|----------------------|
| 1 | MOHD ASYRAF BIN SAIFUDDIN | AK 2XXXX | ANAK | 50% |
| 2 | SAIFUDDIN BIN MUSTAFFA | 57XXXX-10-XXXX | SUAMI | 30% |
| 3 | KAMARIAH BINTI MAT PIAH | 38XXXX-08-XXXX | IBU | 20% |
| 4 | | | | |
| 5 | | | | |
| 6 | | | | |

Bilangan penama:

(C) PERAKUAN AHLI

- Saya mengaku bahawa maklumat penamaan yang tercatat di dalam borang penamaan ini adalah betul dan dibuat dengan kerelaan hati saya.
- Saya bersetuju untuk memilih alamat surat-menyurat di dalam borang ini dikemaskini dan saya mengesahkan bahawa alamat ini adalah terkini, lengkap dan betul.
Ya Tidak
- Saya bersetuju untuk memilih maklumat penamaan yang didaftarkan ini dipaparkan di dalam Penyata Tahunan Ahli dan apa-apa notis yang berkaitan dengan penamaan ini. Saya faham bahawa pilihan ini adalah dibuat dengan kerelaan hati saya dan pihak KWSP tidak bertanggungjawab ke atas kebocoran maklumat ini sekiranya Penyata Tahunan Ahli atau apa-apa notis yang berkaitan pilihan ini tidak diterima oleh saya atas apa jua sebab.
Ya Tidak Tarikh: XX/XX/20XX

(D) PENGESAHAN SAKSI


- Saya dengan ini mengesahkan kenyataan yang telah dibuat oleh ahli di dalam borang ini adalah benar dan cap ibu jarinya diturunkan di hadapan saya.
Tandatangan: Alamat: NO 42, JALAN KT 2/52,
3XXXX TAIPING, PERAK
Nama Penuh: AZMAN BIN RAZALI
No. Pengenalan Diri: 66XXXX-09-XXXX Tarikh: XX/XX/20XX

(E) UNTUK KEGUNAAN KWSP SAHAJA

NO. AHLI KWSP:

MASA TERIMA: _____

(F) PENGESAHAN CAP IBU JARI AHLI



(COP TARIKH TERIMA)